

JUBITEL (Telmisartan Tablets 40mg & 80mg)

Telmisartan (40mg & 80mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan JUBITEL
2. Bagaimana JUBITEL berfungsi
3. Sebelum mengambil JUBITEL
4. Cara menggunakan JUBITEL
5. Semasa menggunakan JUBITEL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan JUBITEL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan JUBITEL

JUBITEL digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi. Ia juga digunakan untuk mengurangkan risiko peristiwa kardiovaskular anda seperti sakit jantung, strok atau kematian dari sebab kardiovaskular dalam pesakit berumur 55 tahun keatas berisiko tinggi mendapat peristiwa kardiovaskular yang tidak dapat dirawat dengan kumpulan ubat dipanggil *ACE inhibitors*.

JUBITEL juga boleh digunakan sebagai rawatan tambahan dalam tekanan darah tinggi, pencairan darah atau rawatan mengurangkan kolesterol.

Bagaimana JUBITEL berfungsi

JUBITEL berfungsi dengan cara menghalang reseptor *angiotensin II*. *Angiotensin II* ialah sejenis bahan dihasilkan dalam badan yang menyebabkan saluran darah jadi sempit dan menaikkan tekanan darah anda. *Telmisartan* menghalang kesan *angiotensin II* supaya saluran darah dapat mengendur dan tekanan darah turun.

Sebelum mengambil JUBITEL

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan gunakan JUBITEL jika alah kepada *Telmisartan* atau mana-mana bahan lain terkandung ubat ini.

Jika anda lebih dari 3 bulan hamil. Anda dinasihatkan untuk

mengelakkan pengambilan ubat ini semasa hamil.

Jika anda menghadapi masalah hati yang serius seperti *cholestasis* atau pundi hempedu tersumbat (masalah berkaitan saluran hempedu dari hati ke pundi hempedu) atau mana-mana penyakit hati yang serius.

Jika anda pesakit kencing manis atau mempunyai penyakit buah ginjal dan mengambil sesuatu ubat untuk darah tinggi dipanggil *Aliskiren*.

Sekiranya anda sedang menyusu.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doctor anda jika menghadapi atau pernah menghadapi mana-mana keadaan seperti dibawah:

- Penyakit buah ginjal atau pemindahan buah ginjal
- *Renal artery stenosis* (penyempitan saluran darah pada satu atau kedua-dua buah ginjal)
- Penyakit hati
- Masalah jantung
- Paras *aldosterone* tinggi (pengumpulan garam dan air dalam badan yang menyebabkan ketidakseimbangan mineral dalam darah)
- Tekanan darah rendah (*hypotension*), berlaku semasa dehidrasi atau kekurangan garam disebabkan rawatan dengan diuretik ('ubat air'), diet rendah garam, cirit-birit atau muntah-muntah
- Paras kalium tinggi dalam darah
- Kencing manis

Beritahu doktor jika anda hamil atau sedang merancang keluarga. Ubat ini boleh memudaratkan kandungan anda jika digunakan selepas 3 bulan hamil.

Beritahu doktor jika anda akan menjalani pembedahan atau perlu dibius.

Penggunaan JUBITEL oleh kanak-kanak dan remaja bawah umur 18 tahun tidak disyorkan.

Seperti semua ubat kelas *angiotensin antagonist* yang lain, JUBITEL mungkin kurang berkesan mengurangkan tekanan darah didalam pesakit berbangsa Afrika.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklum kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau pernah mengambil apa-apa ubat yang lain baru-baru ini, termasuk ubat yang dibeli tanpa surat doktor, dari pasaraya atau kedai makanan kesihatan. Doktor anda mungkin mengubah dos ubat yang lain ini atau mengambil langkah berjaga-jaga. Nasihat ini khas untuk ubat yang tersenarai seperti dibawah:

- Ubat yang mengandungi *lithium* (untuk merawat sesetengah jenis kemurungan)
- Ubat yang boleh meningkatkan paras kalium darah seperti pengganti garam makan yang mengandungi kalium, 'ubat air' tertentu yang menyimpan kalium badan, *ACE inhibitors*, *angiotensin II receptor antagonists*, *NSAIDs (non-steroidal anti-inflammatory drugs)* cth. *aspirin* dan *ibuprofen*, *heparin*, ubat imunosupresif (cth. *cyclosporin* atau *tacrolimus*) dan antibiotik *trimethoprim*
- Diuretik ('ubat air') terutamanya jika dos tinggi diambil bersama JUBITEL, boleh menyebabkan terlalu banyak air disingkir badan dan akibatnya tekanan darah terlalu rendah (*hypotension*)

Seperti semua ubat darah tinggi yang lain, kesan JUBITEL mungkin berkurang jika anda mengambil ubat tahan sakit kelas NSAID atau kortikosteroid. JUBITEL mungkin meningkatkan kesan pengurangan tekanan darah ubat darah tinggi yang lain.

JUBITEL (Telmisartan Tablets 40mg & 80mg)

Telmisartan (40mg & 80mg)

Cara menggunakan JUBITEL

-Berapa banyak harus digunakan

Selalu ambil JUBITEL seperti diarahkan doktor anda. Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda kurang pasti.

Dos JUBITEL yang biasa ialah satu biji sehari diambil pada waktu yang sama setiap hari. Ia boleh diambil sebelum atau selepas makan, ditelan dengan sedikit air. Anda dinasihatkan mengambil ubat ini setiap hari seperti disyorkan doktor anda.

Untuk rawatan tekanan darah tinggi, dos permulaan yang biasa ialah sebiji 40mg sehari. Walaubagaimanapun, doktor mungkin mengesyorkan dos yang lebih tinggi iaitu 80mg. Sebagai alternatif, JUBITEL boleh digunakan dalam kombinasi bersama diuretik ('ubat air') seperti *hydrochlorothiazide* yang boleh tolong menurunkan tekanan darah anda bersama *Telmisartan*.

Untuk menurunkan risiko peristiwa kardiovaskular, dos biasa JUBITEL ialah sebiji 80mg sehari. Pada permulaan rawatan pencegahan ini dengan JUBITEL, tekanan darah anda harus dipantau dengan kerap.

Jika hati anda tidak berfungsi dengan baik, dos biasa tidak akan melebihi 40mg sehari.

-Bila perlu digunakan

Gunakan seperti disyorkan doktor anda. Jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa nasihat doktor anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Gunakan selama disyorkan doktor anda. Jangan berhenti mengambil ubat ini tanpa nasihat doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda lupa ambil ubat ini, ambil sebaik sahaja anda ingat. Jika sudah tiba masanya untuk dos seterusnya, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos yang seterusnya. Jangan gantikan dos ubat ini untuk menggantikan dos yang terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terambil lebih dos ubat ini, hubungi doktor, ahli farmasi atau jabatan kecemasan hospital terdekat anda dengan segera.

Semasa menggunakan JUBITEL

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil JUBITEL seperti diarahkan doktor anda. Maklum kepada doktor atau ahli farmasi jika kesan sampingan dialami menjadi serius, atau sekiranya anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai dalam risalah ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil JUBITEL kecuali jika dinasihatkan oleh doktor anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Kehamilan dan penyusuan: Beritahu doktor anda jika anda hamil atau sedang merancang keluarga. JUBITEL tidak disyorkan semasa hamil, terutamanya selepas tiga bulan hamil. Doktor anda akan cadangkan ubat lain untuk mengawal tekanan darah anda. Pengambilan JUBITEL tidak disyorkan kepada ibu yang menyusui. Doktor akan cadangkan ubat alternatif untuk anda.

Memandu dan mengendalikan jentera: JUBITEL boleh atau mungkin tidak menyebabkan mengantuk. Jika mengantuk semasa mengambil ubat ini, berhenti memandu atau mengendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, JUBITEL boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Beberapa kesan sampingan yang dilaporkan semasa mengambil *Telmisartan* termasuk:

- Jangkitan saluran pernafasan termasuk *pharyngitis* dan *sinusitis*, jangkitan saluran kencing

- Keresahan, kemurungan, kesukaran tidur, mengantuk
- *Hypoglycaemia* (paras gula darah rendah) dalam pesakit kencing manis
- Denyutan jantung pantas atau perlahan, tekanan darah rendah, rasa ingin pengsan, pening
- Sakit perut, cirit-birit dan muntah-muntah, batuk
- Kulit gatal, ruam
- Sakit dada atau sakit menyerupai seselma
- Anemia
- Alahan
- Peningkatan paras kalium dalam darah
- Masalah penglihatan
- Gangguan fungsi hati
- Peningkatan paras *creatinine* (sisa buangan badan)

Anda boleh rujuk senarai kesan sampingan yang sepenuhnya pada risalah dalam kotak ubat ini.

Jika anda perasan kesan sampingan yang tidak biasa semasa mengambil JUBITEL, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npa.moh.gov.my (*Public→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*)

Cara penyimpanan dan pelupusan

-Penyimpanan

Simpan dibawah 30°C. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

-Pelupusan

Ubat tidak seharusnya dilupuskan melalui sistem pembuangan air rumah atau sisa isi rumah. Dapatkan nasihat ahli farmasi bagaimana melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini boleh melindungi alam sekitar.

JUBITEL (Telmisartan Tablets 40mg & 80mg)

Telmisartan (40mg & 80mg)

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

JUBITEL (Telmisartan Tablets 40mg): Tablet berbentuk kapsul berwarna putih keputihan dengan tanda 'H' pada satu belah dan kosong pada belah lain.

JUBITEL (Telmisartan Tablets 80mg): Tablet berbentuk kapsul berwarna putih keputihan dengan tanda 'D' pada satu belah dan kosong pada belah lain.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Telmisartan

- Bahan tidak aktif

Meglumine, sodium hydroxide, povidone, purified water, mannitol, magnesium stearate

-Nombor MAL

MALXXXXXXXXXAZ

Pengilang

Jubilant Generics Limited
Village Sikandarpur Bhainswal,
Roorkee-Dehradun Highway,
Bhagwanpur, Roorkee Distt.
Haridwar, Uttarakhand 247661 India

Pemegang Pendaftaran Produk

Healol Pharmaceuticals Sdn. Bhd
74-3, Jalan Wangsa Delima 6,
KLSC Wangsa Maju,
53300 Kuala Lumpur, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

-01/11/2018

Nombor Siri

NPRA(R2)19/62